

Rujukan Kami : LPIP/13/1/1 (33)
Tarikh : 19 April 2022



**SEMUA KONTRAKTOR BERDAFTAR
SEMUA KONTRAKTOR PROJEK BERDAFTAR**

CIDB NEGERI SEMBILAN

Tuan, *Salam Sejahtera*

**PENDAFTARAN MENGIKUTI KURSUS PENTAULIAHAN PENYELIA TAPAK BINAAN,
CSS (TAHAP 4) BIDANG MEKANIKAL / AWAM & STRUKTUR ANJURAN KELAB
KAKITANGAN CIDB NEGERI SEMBILAN KERJASAMA BERSAMA MEGA JATI
ACADEMY SDN BHD**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

Sukacita dimaklumkan bahawa, syarikat Tuan terpilih bagi mengikuti Kursus Pentauliahan Penyelia Tapak Binaan Tahap 4 anjuran CIDB Negeri Sembilan (Kelab CIDB Negeri Sembilan) dengan kerjasama Mega Jati Academy Sdn Bhd selaku Pusat Latihan Bertauliah (PLB) Bhd yang akan dilangsungkan pada 07/06/2022 – 30/06/2022 secara separuh masa melalui atas talian.

Sehubungan dengan itu, syarikat kontraktor yang berdaftar di Negeri Sembilan diminta untuk menghantar sekurang-kurangnya **dua (2) orang kakitangan** untuk menyertai kursus ini yang **ditaja sepenuhnya oleh Kerajaan Malaysia**. Tuan dimohon menyemak syarat kelayakkan sebelum membuat pendaftaran. Maklumat lanjut dan pendaftaran boleh dibuat di pautan <https://www.megajatiacademy.com/cidb-grantscheme>

Dilampirkan bersama ini surat pemakluman daripada Kelab Kakitangan CIDB Negeri Sembilan yang menerangkan berhubung program ini secara lebih terperinci [No Ruj: KCIDBN9/01/3/1.1 (6)] bertarikh 6 April 2022.

Perhatian Tuan berhubung perkara ini amatlah kami hargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Terima Kasih.

**PN ROHANA ABDUL MANAN
PENGARAH
CIDB N.SEMBILAN**



KELAB CIDB NEGERI SEMBILAN
KOCIDB, LOT D30
PERSIARAN UTAMA S2/B2, 70300 SEREMBAN 2
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS
(NO PENDAFATARAN: PPM-011-05-28062016)

Rujukan Kami : KCIDBN9/01/3/1.1 (6)
Tarikh : 6 April 2022

SENARAI EDARAN

Tuan,

JEMPUTAN MENGIKUTI KURSUS PENTAULIAHAN PENYELIA TAPAK BINAAN, CSS (TAHAP 4) BIDANG MEKANIKAL / AWAM & STRUKTUR ANJURAN CIDB NEGERI SEMBILAN KERJASAMA BERSAMA MEGA JATI ACADEMY SDN BHD

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa, syarikat Tuan adalah dijemput untuk mengikuti Kursus Pentauliahahan Penyelia Tapak Binaan Tahap 4 anjuran Kelab CIDB Negeri Sembilan dengan kerjasama Mega Jati Academy Sdn Bhd yang akan dilangsungkan pada 07/06/2022 – 30/06/2022. Untuk makluman Tuan, kursus ini ditaja sepenuhnya oleh Kerajaan Malaysia.

3. Keperluan dan perincian kursus tersebut adalah seperti berikut :

I. Kaedah Kursus ini dilaksanakan:-

Kursus ini dijalankan melalui Keadah I (Latihan dan Penilaian) yang akan dikendalikan oleh Mega Jati Academy selaku Pusat Latihan Bertauliah (PLB-CIDB). Kursus ini akan berlangsung selama 20 hari secara atas talian. Peserta akan dinilai melalui *Knowledge Assessment* (KA) bagi membolehkan mendapatkan **Sijil Kompetensi Kemahiran Pembinaan** (SKKP Tahap 4) CIDB.

Peserta juga akan dinilai melalui PPT-Amali bagi membolehkan mendapat Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) yang akan ditauliahkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK). Bagi penilaian ini, peserta perlu menghadiri secara fizikal satu hari sahaja di tempat yang akan dimaklumkan kelak (sekitar Negeri Sembilan) pada 28/06/2022 – 30/06/2022 dimana tarikh penilaian akan ditentukan oleh pihak sekreteriat.

Kursus ini akan dijalankan sepenuhnya secara atas talian menggunakan platform Learning Management System (LMS). Jadual terperinci kursus akan diberikan setelah pendaftaran dan semua dokumentasi telah selesai.

II. Pensiilan

Peserta akan menerima sijil seperti yang berikut setelah selesai menjalani kursus ini.

- a. Sijil Kompetensi Kemahiran Pembinaan (SKKP Tahap 4) – Jika lulus penilaian
- b. Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) – Jika lulus penilaian
- c. Sijil Tamat Kursus dari Mega Jati Academy yang mengandungi mata CCD CIDB, CPD MBOT dan CPD BEM.

III. Tarikh Penting bagi kursus ini:-

TARIKH	PERKARA
04/04/2022 – 22/04/2022	Pendaftaran melalui pautan https://forms.gle/TSVhD41ZAdtUa1r68
25/04/2022 – 27/5/2022	Pendaftaran peserta oleh Mega Jati Academy di laman MySpike JPK dan PTPK
06/06/2022	Taklimat dan pembukaan Kursus
07/06/2022 – 27/06/2022	Kelas secara atas talian bermula. Platform kelas akan dikongsi dengan peserta
28/06/2022 – 30/06/2022	Penilaian JPK. Peserta akan hadir satu hari saja secara fizikal di sekitar kawasan Negeri Sembilan. Tarikh akan ditentukan oleh seketeriat dan dimaklumkan setelah kelas bermula.
1/07/2022	Sijil SKKP dan SKM dijangka akan diterima peserta dalam jangka masa 6 bulan – 12 bulan

Sekiranya pihak Tuan mempunyai sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, boleh menghubungi nombor seperti yang tertera dibawah atau Puan Zahafarina di talian 017 419 3031. Tuan juga boleh membuat rujukan perkara ini di pautan website untuk maklumat tambahan. <https://www.megajatiacademy.com/cidb-grantscheme>

Perhatian Tuan untuk perkara ini amatlah kami hargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian. Terima Kasih

Yang Benar,


FARADHILA ZAKBAH
PENGERUSI KELAB CIDB NEGERI SEMBILAN

Kewajipan kontraktor berkaitan Pentauliahan Tapak Binaan (CSS) Mengikut Akta 520 – Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia

Kepentingan Pentauliahan Tapak Binaan (CSS)

Merujuk kepada *Akta 520 (Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994)*,

Bahagian I – Tafsiran

Kerja Pembinaan

“kerja pembinaan” ertinya pembinaan, penyambungan, pemasangan, pembaikan, penyenggaraan, pembaharuan, pemindahan, pengubahsuaian, pengubahan, perombakan, atau perobohan:-

- a. mana-mana bangunan, binaan, bangunan besar, struktur, dinding, pagar atau cerobong, sama ada dibina keseluruhannya atau sebahagiannya di atas atau di bawah paras bumi;
- b. mana-mana jalan, kerja pelabuhan, landasan kereta api, laluan kabel, terusan atau lapangan terbang kecil;
- c. apa-apa kerja saliran, tali air atau kerja pengawalan sungai;
- d. apa-apa kerja elektrik, mekanikal, air, gas, petrokimia atau telekomunikasi; atau
- e. mana-mana jambatan, jejambat, empangan, takungan, kerja tanah, talian paip, saluran najis, akueduk, pembetung, pemacu, syaf, terowong atau kerja penebusgunaan,

Penyelia Tapak Binaan

“penyelia tapak binaan” ertinya mana-mana pekerja yang memiliki tahap kemahiran, pengetahuan dan pengalaman yang diterima yang ditugaskan kepada suatu tapak pembinaan atau mana-mana tempat lain yang sedemikian untuk menyelia kerja pembinaan; “personel binaan” ertinya—

- a) pekerja binaan am;
- b) pekerja binaan separa mahir;
- c) pekerja binaan mahir;
- d) penyelia tapak binaan;
- e) pengurus projek binaan; dan
- f) mana-mana pekerja lain dalam industri pembinaan sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga;

“personel binaan berdaftar” ertinya seseorang personel binaan yang berdaftar atau diperakukan mengikut Akta ini;

Bahagian VII - Pendaftaran, Akreditasi, Pemerakuan Dan Latihan Personel Binaan

Pendaftaran personel binaan

*33. (1) Seseorang tidak boleh terlibat atau diambil atau mengaku janji untuk terlibat atau diambil sebagai personel binaan melainkan jika dia berdaftar dengan Lembaga dan memegang suatu perakuan pendaftaran yang sah yang dikeluarkan oleh Lembaga di bawah Akta ini.

Akreditasi dan pemerakuan penyelia tapak binaan dan pekerja binaan mahir

*33a. (1) Tiada penyelia tapak binaan atau pekerja binaan mahir boleh terlibat atau diambil, atau mengaku janji untuk terlibat atau diambil sebagai penyelia tapak binaan atau pekerja binaan mahir melainkan jika dia diakreditasi dan diperakuan oleh Lembaga dan memegang suatu perakuan yang sah yang dikeluarkan oleh Lembaga di bawah Akta ini.

(2) Bagi maksud Akta ini, pekerja binaan mahir adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga.

(3) Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam Warta, meminda Jadual Ketiga.

(4) Lembaga hendaklah menyimpan dan menyenggarakan suatu Daftar yang hendaklah mengandungi nama, alamat, tred, kemahiran dan butir-butir lain penyelia tapak binaan dan pekerja binaan mahir yang diakreditasi dan diperakuan.

(5) **Seseorang yang melanggar** subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, **didenda tidak melebihi lima ribu ringgit.**

(6) **Mana-mana orang yang mengambil mana-mana penyelia tapak binaan atau pekerja binaan mahir yang tidak diakreditasi** dan diperakuan oleh Lembaga untuk menjalankan apa-apa kerja pembinaan melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, **didenda tidak melebihi lima ribu ringgit.**